

e-BuletinUiTMCM

Citra



| UiTM Cawangan Melaka

#JUN

eBuletinUiTMCM /22
Vol.06 -Jun

Istiadat Konvokesyen ke 93 UiTM



Sorotan menarik bulan Jun :



Melaka Education Expo
2022



Istiadat Konvokesyen ke 93
UiTM



Program Hasil Your Tax
Buddy





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Keenam - Jun 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2022 Hakcipta Terpelihara



| UiTM Cawangan Melaka

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor	6
------------------------	---

Program Universiti

Bengkel Projek Buku Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku	8
Majlis Penyampaian Anugerah, Pingat dan Sijil Bulan Sabit Merah Malaysia	9
Sesi Libat Urus Bahagian Transformasi (BTU) bersama Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Melaka di UiTM Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka & Kampus Jasin	10
Program Hasil Your Tax Buddy Kukuh Pendidikan Percukaian kepada Mahasiswa	11
Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (Mou) Antara Universiti Teknologi Mara Dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	12
Majlis Perasmian Melaka Education Expo (MEE) 2022	13
Album Istiadat Konvokesyen ke -93 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)	14 - 17
Majlis Makan Malam Sempena Program "Asean Digital Cultural Ambassadors Transformation Programme 2022	18
Lawatan kerja YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fozi Ali, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) bersama Cik Zarina Hussin, Timbalan Bendahari Kanan, Jabatan Pengurusan Kewangan Pembangunan & Fasiliti, UiTM di UiTM Kampus Alor Gajah	19
Teater Langgam Merdeka anjuran Unit Kebudayaan & Kesenian, UiTM Cawangan Melaka	20
Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang Indonesia	21

Ucapan Tahniah, Kejayaan & Pencapaian Warga Universiti 23-29

Webinar

Siri Bengkel & Webinar Universiti	31-32
-----------------------------------	-------

Belasungkawa 33-35

Artikel/Liputan Media 37-42

Scammer melampau guna sentimen agama	38
UiTM Jasin selesaikan misi ceriakan SK Ayer Limau	39
Tangani isi kesihatan mental kanak-kanak, remaja	39
Tolak sikap negatif bangga gagal dalam peperiksaan penting	40
Pencapaian Indikator Negeri Melaka setaraf negara maju	41
'Tiny naps' while driving leading cause of road accidents	42
Kekal tarif elektrik, air tak dapat kawal inflasi	42

Sidang

Redaksi

e-BuletinUiTMCM

f t i y | UiTMCM



Cawangan Melaka



Ketua Editor
Akmal bin Adanan



Penolong Editor
Arif Imran bin
Anuar Yatim



Editor Buletin
Azniza binti Hasan



Editor Buletin
Hasnor Zura binti
Hashsim



Editor Buletin
Khalidah Hadibah binti
Md Khalid



Editor Buletin
Suraini binti Mohammad



Editor Grafik
Mohd Hanif bin
Mohd Omar



Editor Grafik
Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan
Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan
Mohamad Asrol bin
Arshad



Isi kandungan
Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan
Norazimah binti
Mat



UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
PELAJAR UiTMCM"

Dari Meja

KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.6 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Jun 2022 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Melaka Education Expo (MEE 2022) dan Istiadat Konvokesyen ke 93 UiTM yang telah berlangsung di UiTM Shah Alam.

Semoga segala hebahan maklumat di dalam buletin ini dapat dijadikan bahan dan rujukan buat semua warga kampus.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan


Ketua Unit Komunikasi Korporat

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Program-program Universiti

Bengkel Projek Buku Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku



ALOR GAJAH, 24 Mei 2022 - Telah berlangsung Bengkel Projek Buku Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku yang diadakan di Dewan Mini Latihan PSM Kampus Alor Gajah. Seramai 26 orang peserta terdiri daripada staf Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin hadir mendengar ceramah yang disampaikan oleh Encik Mohd Ab Malek bin Md Shah, Koordinator Jabatan Undang-Undang (JUU).

Majlis Penyampaian Anugerah, Pingat dan Sijil Bulan Sabit Merah Malaysia



MELAKA, 31 Mei 2022 - Telah berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah, Pingat dan Sijil Bulan Sabit Merah Malaysia yang diadakan di Imperial Heritage Hotel, Melaka. Di dalam majlis ini, Sijil Kepujian BSMM Kebangsaan Tahun 2021 telah dianugerahkan kepada Encik Wan Mohd Faizul Adnan Wan Yahya, Penolong

Pegawai Perubatan UiTMCM manakala Pasukan Bantuan Sukarela 67 Bulan Sabit Merah Malaysia Cabang UiTM Melaka telah diberikan Sijil Penghargaan atas sumbangan khidmat bakti semasa wabak COVID-19 iaitu Puan Sumayyah Shaidan, Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, selaku penasihat persatuan.

Sesi Libat Urus Bahagian Transformasi (BTU) bersama Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Melaka di UiTM Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka & Kampus Jasin



Program Hasil Your Tax Buddy Kukuh Pendidikan Percukaian kepada Mahasiswa



AYER KEROH, 16 JUN 2022 - Telah berlangsung satu program sehari berkonsepkan riadah fizikal 'Hasil Your Tax Buddy' di Taman Botani Ayer Keroh Melaka yang melibatkan lebih kurang 100 mahasiswa tahun akhir pelbagai fakulti di UiTMCM.

UiTMCM melalui Kumpulan Penyelidik 'My Tax Think Thank', Fakulti Perakaunan telah menyusun beberapa usahasama bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam usaha mengukuh kesedaran percukaian melalui Pendidikan.

Majlis Pertukaran Memorandom Persefahaman (MoU) antara UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA

JASIN, 17 Jun 2022 - Telah berlangsung Majlis Pertukaran Memorandom Persefahaman (MoU) antara UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan bertempat di AUDITORIUM UiTM KAMPUS JASIN.

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini mewakili YBhg. Datuk Naib Canselor (UiTM) bertukar memorandum persefahaman dengan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia diwakili Tuan Haji Alang Mad Daud bin Dawan, Pengarah Pertanian Negeri Johor merangkap Ahli Lembaga Pengarah LPNM mewakili Pengerusi Lembaga Pengarah LPNM.



Majlis Perasmian Melaka Education Expo (MEE) 2022

MELAKA, 18 Jun 2022 - Telah berlangsung majlis perasmian Melaka Education Expo (MEE) 2022 disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka bertempat di AMES Hotel Melaka. Prof. Madya Dr.

Ismadi Md Badarudin, Timbalan Rektor HEA mewakili Rektor menerangkan maklumat-maklumat UiTM kepada YAB Ketua Menteri semasa lawatan ke booth sebentar tadi. Turut hadir YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Pendidikan dan

Teknologi, Datuk Leong Sir Ley, Pengerusi Sheng Tai International, dan En. Badaruddin Mohd Kassim, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, dan Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini (MHI).



Album Istiadat Konvokesyen ke -93 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -93 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -93 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Album Istiadat Konvokesyen ke -93 UiTM (UiTM Cawangan Melaka)



Majlis Makan Malam Sempena Program “Asean Digital Cultural Ambassadors Tranformation Programme 2022



MELAKA, 20 JUN 2022 – Telah berlangsung majlis makan malam sempena program “Asean Digital Cultural Ambassadors Tranformation Programme 2022”. Majlis tersebut diadakan di Hotel Hatten, Bandar Hilir, Melaka. Jamuan makan malam ini dihadiri oleh YB Datuk Muhammad Jailani Khamis, Exco Pelancongan, Seni

Warisan Dan Kebudayaan Negeri Melaka, Prof. Dr. Mohamad Hariri Hj. Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni), Encik Mohd Zamzuri Ab Ghani, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pelancongan, Seni Warisan dan Kebudayaan. Turut hadir

Ts. Nurul Aishah Ab Rahman sebagai Pengarah Projek Unity In Bytes 2022, Cik Anindya Putri Melati, wakil Sekretariat ASEAN, Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Rektor Negeri Sembilan dan timbalan-timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri Melaka dan Negeri Sembilan serta barisan Pengarah Jabatan.



Lawatan kerja YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fozi Ali, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) bersama Cik Zarina Hussin, Timbalan Bendahari Kanan, Jabatan Pengurusan Kewangan Pembangunan & Fasiliti, UiTM di UiTM Kampus Alor Gajah.

Teater Langgam Merdeka anjuran Unit Kebudayaan & Kesenian, UiTM Cawangan Melaka



MELAKA, 25 Jun 2022 -
Telah berlangsung Teater
Langgam Merdeka
anjuran Unit Kebudayaan
& Kesenian, UiTM
Cawangan Melaka
dengan kerjasama Dewan
Bahasa dan Pustaka (DBP)
Wilayah Selatan
bertempat di Auditorium
Ibu Zain, UiTM Kampus
Bandaraya Melaka.

Teater ini diarahkan oleh
En. Mohd Hatta bin Mohd
Yatim, Penolong Pegawai
Kebudayaan UiTMCM
dengan pasukan produksi
daripada gabungan
pelajar, staf dan aktivis
seni/ teater Negeri
Melaka. Turut hadir Encik
Mohd Riduwan bin
Wahab, Pengarah DBP
Wilayah Selatan, Profesor

Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi
Zaini, Rektor, Dr. Mohd
Halim Mahpoth, Penolong
Rektor KBM dan En.
Ahmad Khairuman Md
Hasim, Penolong Rektor
KJM. Pementasan teater
Langgam Merdeka ini
akan berlangsung sekali
lagi pada Ahad, 26 Jun
2022 jam 9:00 malam.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang Indonesia



MELAKA, 29 Jun 2022 –Universiti Teknologi MARA dan Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang Indonesia, hari ini telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan secara dalam talian di YouTube UiTM Cawangan Melaka.

MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg Rektor, Prof

Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi bin Zaini mewakili YBhg. Datuk Naib Canselor dan Prof Dr. H.M Zainuddin selaku Rektor Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang Indonesia. Majlis tersebut juga turut disaksikan oleh Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTMCM, Dekan-dekan fakulti, Ketua-ketua Pusat Pengajian

Adan pengurusan tertinggi Universiti.ntara bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua universiti melalui MoU ini adalah perkongsian kepakaran, latihan dan pemikiran saintifik antara kedua-dua pihak dalam bidang sains sosial khususnya ekonomi Islam, syariah dan humanities (ilmu kemanusiaan).

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



**UCAPAN TAHNIAH,
KEJAYAAN & PENCAPAIAN
WARGA UNIVERSITI**



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Tahniah

**Profesor Ts. Dr.
Shafinar Ismail**

atas kejayaan
**Anugerah Penyelidik Cemerlang
(Sains Sosial)**

dalam
**Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2022
2 Jun 2022**

daripada
**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM

    www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Tahniah

**Prof. Madya Dr.
Abd Rahim Ridzuan**

atas kejayaan

**Anugerah Penyelidik Harapan
(Sains Sosial)**

dalam

**Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2022
2 Jun 2022**

daripada

**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM



www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka





Cawangan Melaka

Setinggi-tinggi Tahniah

UiTM Cawangan Melaka

atas kejayaan menerima anugerah

First

Top UiTM Campuses Journal Publication
(Corresponding/UiTM First Author)

dalam

**Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2022
2 Jun 2022**

dibawakan oleh

**Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)**

#KeluargaUiTM



www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Setinggi-tinggi Tahniah

UiTM Cawangan Melaka

atas kejayaan menerima anugerah

Third

Top UiTM Campus Grant Acquisitions: National

dalam

Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2022
2 Jun 2022

dibawakan oleh

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

#KeluargaUiTM



www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Tahniah

**Prof. Madya Dr.
S. Salahudin Hj. Suyurno**

atas penganugerahan

**Pingat Bakti Belia
(P.B.B)**

dalam

**Majlis Penganugerahan Bintang dan
Pingat Gabungan Belia Melaka kali ke-42**

2 Jun 2022

daripada

**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM



www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



IBF U21 World Youth Bowling Championship 2022

Syabas & tahniah kepada **Saudari 'Alyaa Addini Zulamri, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Melaka** yang telah memenangi pingat perak pada **IBF U21 World Youth Bowling Championship 2022** yang berlangsung di Sweeden

pada 19-29 June 2022 baru-baru ini. Tahniah diucapkan. Semoga dengan kemenangan ini dapat memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar yang lain.



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Siri Bengkel / Webinar / Persidangan

Universiti



CALL FOR PAPERS
1ST INTERNATIONAL
VIRTUAL CONFERENCE ON
OFFICE TECHNOLOGY MANAGEMENT
(IVCOTM) 2022

**"Strategizing
the Office Environment
After Pandemic:
Impacts, Challenges &
Opportunities"**

CONFERENCE TRACKS:
Office Management Technology
Business & Management

IMPORTANT DATES
Abstract Deadline:
15th April 2022
Full Paper Deadline:
26th May 2022
Notification of Paper Acceptance:
A week after paper submission
Payment and Registration:
26th May 2022
Conference:
14th & 15th June 2022

FEES:
RM 250
(Local Presenter)
USD 65
(International Presenter)

PUBLICATION:
Papers are accepted in Malay & English.
Both conceptual & empirical papers are accepted.
All accepted papers will be published in
MyCite Journal.

CONTACT:
Aida (019-371 1615)
Milfadzhilah (013-377 0149)
Nurbarirah (019-624 2846)
Email (ivcotm@ultm.edu.my)

Organized by:
Department of Office Technology Management,
Faculty of Business and Management,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Alor Gajah,
78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA
ivcotm.ultm.edu.my



IVCOTM 2022
International Virtual Conference on
Office Technology Management

**"Strategizing the Office Environment After Pandemic:
Impacts, Challenges & Opportunities"**

**Virtual Keynote
14 June 2022**

Keynote Session 1

Dr Sambas Ali Muhidin
Faculty of Economics and
Business Education,
Universitas Pendidikan
Indonesia (UPI)
Title: *Records Management
in Office Professional*

Keynote Session 2

Professor Dr. Narehan Hassan
Faculty of Business and
Management,
UiTM, Puncak Alam
Title: *Office Environment: The
New Norm and Future
Prospects*



BELASUNGKAWA



إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Al-Fatihah

Allahyarham Tun Arshad Ayub
Pro-Canselor UiTM

telah kembali ke rahmatullah
14 Zulkaedah 1443H | 14 Jun 2022

Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham
dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman



Cawangan Melaka

Daripada:
Rektor, Pengurusan Eksekutif
serta seluruh warga UiTM Cawangan Melaka



إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Al-Fatihah

En Md Jasmin Bongkik

(Mantan Timbalan Bendahari)

telah kembali ke rahmatullah pada
18 Zulkaedah 1443H | 17 Jun 2022

Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan
ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman




Cawangan Melaka

Daripada:
Rektor, Pengurusan Eksekutif
serta seluruh warga UiTM Cawangan Melaka

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Artikel / Liputan Media



GOLONGAN remaja yang belum ada pendapatan tetap juga menjadi sasaran penipu siber.

Scammer melampau guna sentimen agama

SAUDARA PENGARANG.

BARU-BARU ini, Hakim (bukan nama sebenar), 21, yang merupakan pelajar sebuah universiti tempatan di ibu kota menjadi mangsa terbaharu penipuan siber.

Penipuan siber bukan isu baharu di negara ini, malah telah berlarutan sejak sekian lama tanpa wujud sebarang penyelesaian berkesan untuk mencegahnya.

Sasaran penjenayah bukan sahaja golongan muda yang bekerja, profesional dan warga emas, malah remaja yang belum ada pendapatan tetap, tidak kira masih di peringkat sekolah mahupun universiti.

Menurut Hakim, penipuan yang berlaku berpunca daripada kepercayaan terhadap pengiklanan dalam grup Telegram tentang keuntungan yang bakal diperoleh sekiranya turut serta dalam skim pelaburan saham yang dipromosikan dengan begitu agresif.

Mangsa turut menyatakan dirinya sedar bahawa tidak mudah untuk mendapatkan pulangan besar, lagi-lagi yang melibatkan wang ringgit tetapi disebabkan oleh sifat ingin tahu dan terdesak mahukan duit, maka diabaikan segala kebarangkalian buruk yang boleh berlaku.

Tambah mangsa, dia sedar dirinya sedang berurusan dengan scammer (penipu) setelah individu tersebut memaksa melakukan transaksi sedikit demi sedikit ke dalam akaun berlainan.

Alasan diberikan sekiranya tidak diselesaikan pembayaran tersebut, keuntungan dalam saham tidak dapat dicairkan ke bentuk wang ringgit dan akibatnya pengeluaran tidak boleh dilakukan.

Oleh sebab buntu dan tidak tahu pengakhiran kepada proses itu, maka mangsa akur dengan arahan penipu tersebut.

Mangsa beranggapan transaksi tersebut

merupakan yang terakhir kerana penipu berjanji bahawa keesokan hari, wang akan dihantar terus ke akaun yang telah didaftarkan, tambah pula dengan kata-kata manis berunsur ketuhanan seperti "Demi Allah saya berjanji" supaya mangsa terpedaya.

Tapi keesokan harinya, penipu tersebut mengarahkan supaya mangsa membuat transaksi terakhir dengan alasan sebagai yuran pengeluaran.

Mangsa enggan dan minta dipulangkan wang tetapi penipu tersebut mengabaikan permintaan, kemudian menyekat nombor mangsa.

Mangsa membuat laporan di balai polis berdekatan. Pihak polis menasihati mangsa supaya segera menghantar laporan berkenaan ke bank-bank berkaitan supaya dapat mengambil tindakan terhadap pemilik akaun yang telah didaftarkan.

Mangsa menasihati masyarakat agar lebih berhati-hati dalam mempercayai iklan-iklan berbentuk pelaburan yang menjanjikan keuntungan tidak logik kerana kesannya bukan sahaja terhadap masalah mental dan emosi malah keluarga juga terkena tempiannya.

Bukan itu sahaja, wang yang telah dilaburkan kemungkinan besar sukar dapat kembali kerana proses panjang dan memakan masa.

Sekiranya anda telah menjadi mangsa kepada penipu siber sebegini, jangan takut untuk membuat laporan polis bagi tindakan selanjutnya. Ini kerana sekiranya tiada laporan, maka semakin senang dan berleluasa penipu siber ini mendapatkan mangsa baharu.

MUHAMMAD KHAIRUL RAZI
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Kampus Bandaraya Melaka

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
11 Jun 2022

Muhammad Khairul Razi
UiTM Cawangan Melaka
Kampus Bandaraya Melaka



MELAKAHARIINI.MY

UiTM Jasin selesaikan misi ceriakan SK Ayer Limau

MASJID TANAH 18 Jun – Bagi merealisasikan pembanqunan sekolah sebagai qerbang ilmu yan...

Liputan Media - Melaka Hari Ini
18 Jun 2022

Tangani isu kesihatan mental kanak-kanak, remaja



Oleh Norfaezah Mohd Shahren
dan Mastura Ayob
bhrencana@bh.com.my

Laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dikeluarkan pada November 2021 menyatakan, secara global, satu daripada tujuh kanak-kanak yang berusia 10 hingga 18 tahun mengalami masalah mental.

Punca utama berlaku masalah mental bermula dengan kemurungan, kebimbangan dan kekeliruan serta gangguan tingkah laku, seterusnya menghadkan peluang menjalani kehidupan secara sihat dan sempurna.

Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sehingga Julai 2021, sebanyak 872 kes membunuh diri membabitkan remaja berusia 15 hingga 18 tahun dilaporkan.

Berdasarkan tinjauan kesihatan dan morbidity Malaysia, pada 2019 seramai 424,000 kanak-kanak bergelut masalah kesihatan mental.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor misalnya mencatatkan 1,910 kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak antara Mac 2020 sehingga Mac 2021.

Pusat Kaunseling Selangor pula menegaskan ia

terjadi akibat kerosakan hubungan ibu bapa dan kekeluargaan sehingga mengganggu kesihatan mental dan emosi anak.

Tingkah laku ibu bapa yang baik, sering bercara bersama anak, mengambil berat dan mampu memenuhi keperluan hidup dapat mengurangkan masalah kesihatan mental kanak-kanak.

Selain daripada faktor kekeluargaan, faktor luaran juga boleh mengakibatkan masalah kesihatan mental kepada mereka seperti taraf hidup dan ekonomi keluarga, terutama sekali golongan B40 yang menetap di bandar besar.

Kekangan kewangan berserta masalah sosial menyebabkan mereka berasa kekurangan dan ini boleh menjuruskan kepada perubahan sikap seperti suka memberontak.

Penerokaan identiti juga boleh menyebabkan perubahan kesihatan mental jika penampilan, keperluan dan kehendak diri tidak dapat dipenuhi. Pengaruh media sosial dan rakan sebaya pula faktor utama meningkatkan lagi masalah mental mereka.

Persatuan Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MyCAPs) menyarankan pencegahan kesihatan mental kanak-kanak perlu bermula ketika mereka masih bayi.

Persekitaran selamat dan stabil, hubungan mesra dari ibu bapa dan kehidupan tenteram serta

berkualiti dapat mengatasi masalah mental pada kanak-kanak.

Dalam hal ini, ibu bapa boleh melakukan aktiviti positif seperti berjoging, bersukan, beriadah dan bersiar-siar bersama anak untuk mengurangkan tekanan mereka di samping merangsang naluri positif mereka.

Aktiviti positif ini dapat membantu memberi perasaan tenang dan gembira kepada mereka. Rehat mencukupi serta pemakanan seimbang mampu menyokong keperluan kesihatan lebih baik.

Alam persekolahan yang mencabar turut mempengaruhi mental kanak-kanak. Walaupun ia penting dalam meningkatkan nilai sebagai seorang pelajar, jika berlebihan, ia memakan diri anak pula, sekali gus memberi tekanan tambahan serta membebaskan emosi mereka.

Oleh itu, aktiviti huaran dilakukan perlu menjurus kepada aktiviti disukai anak supaya ia dapat mengimbangi pembelajaran mereka setiap masa.

Kesimpulannya, pemantauan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja sangat penting dalam memastikan dua prinsip dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dapat dicapai.

Dengan memenuhi keperluan prinsip ini, ia mampu menjadikan Malaysia negara bersatu, makmur dan bermartuah serta memiliki warga sihat dan seimbang.

Artikel Akhbar - Berita Harian
20 Jun 2022

Norfaezah Mohd Shahren dan Mastura Ayob

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengurusan Perniagaan

UiTM Cawangan Melaka

Tolak sikap negatif bangga gagal dalam peperiksaan penting



Ketua Komunikasi Korporat merangkap Pensyarah Kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka

Oleh Dr Mohamad Hafifi Jamri
bhrencana@bh.com.my

Kebelakangan ini, kebiasaan berasa seronok menghebahkan kisah kegagalan seseorang dalam pendidikan kian menjadi-jadi. Kadangkala, terdapat kenyataan dikeluarkan individu tertentu di negara ini mencapai kejayaan dan hidup mewah dalam bidang keusahawanan, walaupun pernah gagal sebelum ini.

Pada asasnya, tidak menjadi kesalahan menggunakan pengalaman pernah gagal dalam hidup dicertikan kepada umum untuk dijadikan dorongan supaya manusia bangkit dan bergerak ke hadapan demi mencapai kejayaan dan menebus kegagalan silam.

Akan tetapi, menjadikan kisah gagal dalam pendidikan sebagai suatu perkara biasa dan tidak perlu dirisaukan adalah perkara tidak normal dan salah sama sekali.

Apas yang dibimbangi ialah generasi baharu mungkin menjadikan individu mengeluarkan pendapat seperti itu sebagai idola sehingga akhirnya menganggap pendidikan bukan satu keutamaan dalam hidup dan diri mereka.

Lebih menggerunkan lagi jika generasi baharu ini tidak lagi berminat untuk belajar kerana tertanam dalam pemikirannya perjalanan kehidupan ini masih jauh dan akan ada lagi peluang dalam bidang lain boleh diceburi tanpa memerlukan pendidikan.

Kebimbangan ini berasas kerana apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 diumumkan Khamis lalu, ada dalam kalangan calon seperti berbangga gagal dalam peperiksaan berkenaan dan

menayangkan slip keputusan di media sosial.

Penomena ini jelas suatu hal yang harus dibendung daripada terus menjadi barah dalam kalangan generasi baharu pada hari ini.

Perasaan bangga menyayangkan kegagalan dalam pendidikan dan peperiksaan penting seperti yang berlaku itu wajar dihentikan serta-merta.

Kelaziman negatif iaitu berasa seronok dan bangga menjadi seorang yang gagal dalam pendidikan secara terang-terangan adalah salah dan wajar diperbetulkan.

Perkara ini penting untuk ditangani secara komprehensif supaya tidak menjadi ikutan pelajar sedang bersekolah atau bakal mengambil peperiksaan utama akibat berasa biasa dengan kelaziman negatif ini.


Kempen dan gerakan bagi menyedarkan generasi

baharu serta pelajar mengenai kepentingan pendidikan seperti ditetapkan dalam dasar kerajaan perlu diperhebatkan di sekolah dan dalam masyarakat.

Penekanan mengenai pentingnya menuntut ilmu, mendalami pelbagai pengetahuan serta menguasai kemahiran harus digandakan menerusi program dijalankan Kementerian Pendidikan (KPM).

Ibu bapa serta guru perlu memainkan peranan mereka bagi menyedarkan anak serta pelajar untuk menolak fahaman negatif dan sempit ini dalam minda mereka.

Hal ini dilihat amat penting untuk ditangani secara berkesan kerana generasi hari ini adalah pemimpin pelapis yang akan mewarnai hala tuju masa depan negara ini.



Menuntut ilmu sehingga mencapai kejayaan sangat penting untuk menjamin masa depan pelajar.

(Foto hiasan)

Artikel Akhbar - Berita Harian
20 Jun 2022

Dr. Mohamad Hafifi Johari

Pensyarah Kanan

Fakulti Komunikasi Pengajian Media

UiTM Cawangan Melaka

Pencapaian Indikator Negeri Melaka setaraf negara maju



Oleh: Dr. Suhaida Mohd Amin
Ketua Perunding Kajian / Penayarah Kanan
Fakulti Pengurusan & Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

INDIKATOR digunakan untuk mengukur, menganalisa dan membandingkan prestasi dalam perubahan-perubahan yang berlaku dalam sesuatu tempoh. Justeru, menggunakan indikator sebagai penanda aras untuk melihat sejauh mana pencapaian semasa negeri Melaka, merupakan tindakan yang tepat dan berkesan.

Pada 20 Oktober 2010, menerusi perbandingan video di antara Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, negeri Melaka telah diisytiharkan berstatus negeri maju. Pencapaian Melakatelah dibuat berdasarkan pencapaian 32 indikator negeri yang dibandingkan dengan pencapaian 30 negara maju yang beranggotakan di bawah Organisation for Economic Co-operation Organisation for Economic Co-operation, OECD ketika itu.

Keperluan penilaian semula

Seperti yang dinyatakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Sri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dalam perutusan khas sempena sambutan ulang tahunnya ke-72 pada 24 Ogos 2021, "setelah 10 tahun pengukuran indikator negeri Melaka berbanding negara OECD, pencapaian tersebut perlulah dinilai semula dan perlu dilihat secara lebih komprehensif dan berkesan, sesuai dengan *Flagship Melaka Maju Jaya 2035*". Sehubungan itu, dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, analisa pencapaian 32 indikator telah dibuat dengan negara OECD yang sama untuk tempoh 2020.

Pada tahun 2010, sebanyak 32 indikator telah disenaraikan dan dibuat perbandingan pencapaiannya di antara Melaka, Malaysia dan 30 negara OECD ketika itu. Untuk membuat perbandingan pencapaian semasa indikator Negeri Melaka sebagai mana yang dilakukan pada tahun 2010, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka mengkalikan 30 negara tersebut untuk dianalisa. Selain itu, indikator *Akses kepada telefon +mobi (per 1,000 populasi)* ditambah kepada 2 indikator berasaskan (kini jumlah indikator menjadi 33) agar sesuai dibuat perbandingan dengan bentuk data terkini yang ada pada

peringkat global.

Ringkasan penting penemuan kajian

Umumnya, berdasarkan proses pengumpulan data daripada pelbagai sumber seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Dunia, OECD dan *United Nations Development Programme (UNDP)*, dapatan penemuan kajian bagi tahun 2020 dirumuskan seperti berikut:

- Pencapaian berdasarkan nilai median negara OECD - 42.4 peratus pencapaian Melaka (14 dari 33 indikator) melepasi nilai median negara OECD
- Pencapaian berdasarkan nilai tertinggi negara OECD - 212 peratus pencapaian Melaka (7 dari 33 indikator) melepasi pencapaian tertinggi salah satu negara anggota OECD
- Pencapaian berdasarkan nilai terendah negara OECD - 93.9 peratus pencapaian Melaka (31 dari 33 indikator) melepasi pencapaian terendah salah satu negara anggota OECD

Pada tahun 2010, **Indikator Nisbah tanggungan (dependency ratio)** tidak mencapai mana-mana skor berbanding negara OECD. Namun, pada tahun 2020, Melaka telah menurunkan nilai nisbah tanggungan daripada 61.0 (2010) kepada 45.4 (2020). Nisbah tanggungan yang semakin rendah bermakna, jumlah penduduk dalam lingkungan umur 15-64 tahun yang dikategorikan sebagai umur bekerja, semakin mencukupi dan mampu menyokong kumpulan umur yang berada dalam tanggungan mereka (kurang 15 tahun dan melebihi 65 tahun). Pencapaian Melaka pada tahun 2020 adalah selesa pencapaian terbaik iaitu Korea (39.5), Luxembourg (42.8), termasuk Malaysia sendiri (43.5) pada tempoh yang sama.

Dengan pertambahan bilangan penduduk dari semasa ke semasa, bilangan doktor jugawajar ditambah. Bagi **Indikator Doktor per 1,000 Penduduk (Doctors per 1,000 Population)** pula, negeri Melaka telah berjaya meningkatkan bilangan doktor daripada 12 (2010) kepada 2.44 doktor (2020) bagi setiap 1,000 penduduk. Untuk sebuah negeri di Malaysia, pencapaian Melaka ini bukan sahaja mengatasi Turkey dengan skor terendah (1.95), malah turut mengatasi Malaysia (2.07) dan Poland (2.38).

Bagi indikator **Peratus penduduk berumur 25-34 dengan pendidikan Tertinggi (Percentage Population aged 25-34 years with Tertiary Qualification)**, indikator ini belum melepasi mana-mana skor sama ada skor tertinggi, median mahupun skor terendah yang dicapai oleh negara OECD bagi tempoh 2010 dan 2020. Berkaitan kategori umur penduduk berpendidikan tertier, umur bergraduat bagi siswa sasi lepasan diploma di Malaysia adalah sekitar 20-21 tahun dan bagi lepasan ijazah pertama adalah sekitar 22-23 tahun yang menyebabkan mereka tidak tergolong dalam kumpulan umur 25-34 tahun, untuk dibandingkan dengan data negara OECD. Tambahan,


terdapat mereka yang sedang bekerja tetapi pada masa yang sama menyambung pengajian secara separuh masa, menyebabkan ada yang bergraduat pada umur melebihi 34 tahun.

Sektor perkhidmatan sebenarnya melibatkan skop yang sangat luas seperti bidang perbankan, peruncitan, perhotelan, pendidikan, kesihatan dan hartanah. Sebelum menjadi sebuah negara maju, tumpuan ekonomi sememangnya akan beralih daripada sektor pertama (sektor pertanian, sektor perombongan) kepada sektor kedua (sektor pembuatan) dan seterusnya sektor ketiga atau sektor tertier, atau spesifiknya sektor perkhidmatan. Sebab itulah, bagi negara-negara maju seperti negara-negara OECD, pencapaian Indikator **Sumbangan sektor Perkhidmatan kepada ekonomi; % kepada KDNK (Contribution of the Services sector to the economy; % of GDP)** sentiasa berada pada tahap yang tinggi berbanding sektor-sektor ekonomi yang lain. Berbanding skor terendah 2020 yang dicapai oleh Turki dengan sumbangan daripada sektor perkhidmatan adalah 54.6%, pencapaian Melaka tetap membanggakan iaitu 48.6%, kurang 6.0% dari sebuah negara maju.

Pencapaian Melaka untuk beberapa indikator utama

Pada tahun 2010, **kadar pengangguran** di negeri Melaka adalah 2.4%. Kadar ini didapati menurun kepada 2.2% pada tahun 2020 dan nilai ini mengatasi nilai median, nilai tertinggi dan nilai terendah bagi negara OECD. Untuk indikator pengangguran ini, pencapaian Melaka ternyata mengatasi semua negara-negara maju yang lain, termasuk Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Kadar Pengangguran (%) bagi Melaka, Malaysia dan Negara-Negara OECD, 2020




Sumber: Laporan Survey Tenaga Buruh Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, (2021), Laman Web OECD

Sebagai mana negara-negara lain, peningkatan **kadar kemiskinan (poverty rate)** berkait dengan kesan kemelut ekonomi semasa dan kesan pandemik COVID-19. Peratusan kemiskinan Melaka didapati meningkat dari 0.5% (2010) kepada 3.9% (2019). Walau bagaimanapun, Rajah 2 me-

nunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Melaka adalah paling rendah dan telah mencapai nilai median, nilai tertinggi dan nilai terendah bagi negara OECD pada tahun 2020.


Rajah 2: Kadar Kemiskinan (%) bagi Melaka, Malaysia dan Negara-Negara OECD, 2020



Sumber: Laporan Survei Pendapatan dan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, Jabatan Perangkaan Malaysia, (2020) dan laman web OECD

Data inflasi bagi Melaka yang menunjukkan inflasi Melaka adalah -1.90 peratus untuk tahun 2020 menunjukkan Melaka mengatasi pencapaian tertinggi, nilai median dan nilai terendah berbanding negara OECD; seperti yang digambarkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Inflasi bagi Melaka, Malaysia dan Negara-Negara OECD, 2020



Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Melaka, Jabatan Perangkaan Malaysia, (2021), laman web Bank Dunia

Kesimpulan

Meskipun Melaka sebuah negeri bersaiz kecil di Malaysia, pencapaian indikator negeri Melaka berbanding negara-negara OECD, ternyata tidak mengecewakan. Untuk kebanyakan indikator, pencapaian yang ditunjukkan pada tahun 2020 semakin baik berbanding tahun 2010. Malah, amat membanggakan apabila sebuah negeri yang mempunyai penduduk tidak sampai 1 juta ini mempunyai pencapaian yang sangat baik apabila dibandingkan dengan negara maju seperti negara-negara OECD. Atas pencapaian indikator-indikator tersebut, maka amat wajarlah kita nyatakan bahawa pencapaian indikator negeri Melaka adalah setaraf dengan pencapaian negara maju.

Artikel Akhbar - Melaka Hari Ini
20 Jun 2022

Dr. Suhaida Mohd Amin
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

'Tiny naps' while driving leading cause of road accidents

KUALA LUMPUR: A sudden or short period of sleep, better known as microsleep, is closely linked to the daily performance of a human being, said an expert from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Centre for Research in Psychology and Human Wellbeing Prof Dr Rozmi Ismail.

He said this involuntary napping usually occurs among people who are working and driving long-distance.

"Humans are not like machines, they have their own limitations. Machines can start moving with

just one press (of a button) but humans need a break. The brain, eyes and body parts need adequate rest," he told Bernama recently.

According to Rozmi, the people who are at risk of experiencing microsleeps are bus, lorry and taxi drivers who are driving long-distances or people who work night shifts and do not sleep during the day.

"All these will have an impact on the human performance and its biological clock. If we force our bodies, they will become tired and suddenly go into a rest mode... that is

microsleep," he said.

As a preventive measure, Rozmi recommended that drivers take a rest after two or three hours of driving and avoid driving non-stop from one place to another.

"We have to take care of our biological clocks, meaning humans cannot fight nature. Humans work during the day and sleep at night. If we try to fight this, our performance will quickly decline and our bodies will become tired.

"In addition, there should be a massive campaign to educate the public about the dangers of micro-

sleep while driving," he said.

A psychology lecturer from Universiti Teknologi Mara (UiTM) Alor Gajah, Melaka, Aini Faezah Ramlan described microsleep as a signal that a person's health condition is declining.

She said drivers tend to experience microsleeps due to fatigue or lack of rest, erratic sleep schedules as well as unstable health conditions.

"Drivers need to pay attention to their own health, be sensitive to signals that they're losing concentration such as excessive yawning,

feeling tired and lacking in energy," she said.

Aini also suggested that drivers should change their routines or rearrange their schedules and practice a healthier lifestyle so as to avoid triggering episodes of microsleeps.

Meanwhile, Bukit Aman Traffic Investigation and Enforcement Department director Datuk Mat Kasim Karim said it was estimated that over 20% of road accidents in the country were caused by sleeping at the wheel, drowsiness, and daydreaming.

Artikel Akhbar - The Star
25 Jun 2022

Prof. Dr. Rozmi Ismail (UKM) dan Aini Faezah Ramlan
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Kekal tarif elektrik, air tak dapat kawal inflasi

KUALA LUMPUR: Langkah kerajaan mengekalkan kadar tarif elektrik dan air di samping menetapkan harga siling ayam baharu tidak dapat mengawal kenaikan inflasi dalam negara.

Inflasi yang menyaksikan kenaikan harga barang secara mendadak dengan pengeluaran terhad diramal terus meningkat kerana ia berlaku di seluruh dunia.

Jabatan Perangkaan Malaysia kelmarin memaklumkan, inflasi makanan sahaja meningkat ke paras 5.2 peratus pada bulan lalu dan rekod itu adalah yang tertinggi sejak November 2011.

Ini dikuatirkan lagi dengan kenyataan Bank Dunia menerusi laporan Prospek Ekonomi Global Jun 2022 bahawa risiko stagflasi, (gabungan inflasi dan pertumbuhan lembap) meningkat di peringkat global dan negara ekonomi baharu muncul serta memuncak pada pertengahan tahun ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, apabila kerajaan mengekalkan subsidi dan tidak mengapungkan harga ayam, ia dianggap sebagai langkah 'wajar tetapi tidak popular'.

Beliau berkata, tindakan diambil kerajaan hanya sebagai usaha mengekang kesan-kesan fenomena berkenaan, namun, inflasi terus meningkat ke paras lebih tinggi pada masa akan datang.

"Dalam keadaan sekarang, bukan masa sesuai apungkan harga ayam dan naikan tarif elektrik. Jadi, kerajaan mengambil keputusan bukan popular kerana ia menambah beban rakyat.

"Kalaupun kerajaan menaikkan tarif elektrik kerana kos penyelenggaraan, ia memberi

kesan domino menyaksikan kenaikan kos-kos berkaitan terlibat seperti pengangkutan, makanan dan sebagainya. Jadi, semua rantaian ini akan terkesan," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohamad Idham berkata, meskipun berdepan inflasi, kerajaan dicadangkan supaya mempelbagai sumber ekonomi bagi meningkatkan produktiviti ekonomi domestik.

"Kerajaan boleh fikirkan kaedah lain seperti usaha proaktif ke arah pengeluaran barangan sumber untuk memenuhi keperluan domestik. Dengan ini, kita tidak lagi bergantung kepada barangan import mentah dari luar.

"Mungkin juga kerajaan boleh beri subsidi tenaga alternatif seperti pemasangan solar. Ini bertujuan sebagai penggunaan tenaga alternatif lain untuk menjana elektrik sepertimana negara luar menggunakan udara

dan solar untuk menghasilkan elektrik," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memutuskan tidak menaikkan tarif elektrik, membatalan cadangan mengapungkan harga ayam dan menolak kenaikan tarif air bagi membendung lonjakan inflasi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Dasar dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE), Dr. Zokhri Idris berkata, pengendalian tarif elektrik dan air serta penetapan harga ayam dikatakan dapat mengawal inflasi, tidak tepat kerana ia dipengaruhi kos pengeluaran, bahan api, pekerja dan gaji minimum.

Beliau mengunjurkan inflasi bagi Malaysia tahun ini pada tiga peratus, mengambil kira pergolakan di Ukraine-Rusia, polisi sifar Covid-19 China dan peningkatan kos pengeluaran.

Artikel Akhbar - The Star
25 Jun 2022

Prof. Dr. Rozmi Ismail (UKM) dan Aini Faezah Ramlan
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 772785 804005